

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesudian kerajaan menubuhkan Dana Kanser Negara bagi membantu pesakit-pesakit dari isi rumah berpendapatan kurang daripada RM5,000. Apakah perkembangan pelan Kementerian untuk membina 'stand-alone' hospital kanser di Sungai Petani. Dan cadangan Kementerian untuk melatih lebih banyak oncologist.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berkenaan dana kanser, Kementerian Kesihatan telah menyediakan peruntukan tahunan bagi tujuan rawatan kanser seperti pembedahan, kemoterapi, radioterapi, *brachytherapy*, pemindahan sumsum tulang, terapi hormon, imunoterapi dan ubat *targeted therapy*. Pada tahun 2021, sebanyak RM136.4 juta telah diperuntukkan di bawah aktiviti radioterapi dan onkologi. Sebahagian besar peruntukan telah ini disalurkan kepada Institut Kanser Negara (IKN) dan selebihnya kepada hospital-hospital yang mempunyai perkhidmatan kepakaran rawatan kanser. Di samping itu, sebanyak RM119 juta juga telah disediakan untuk pembelian ubat-ubatan di bawah *Malaysian Patient Assistance Program* (MyPAP).
2. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah menyediakan Tabung Bantuan Perubatan (TBP) untuk membantu golongan yang kurang

berkemampuan untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan, peralatan perubatan, peralatan rehabilitasi atau ubat-ubatan yang diperlukan, termasuk *implant* bagi pesakit kanser. Usaha ini turut dibantu oleh pihak NGO seperti Majlis Kanser Nasional (MAKNA) dan Yayasan Kanser Tengku Laksamana Johor (khusus untuk pesakit Negeri Johor) yang mana membantu pesakit daripada segi peralatan, ubat-ubatan, kewangan bulanan dan tambang bagi mendapatkan rawatan. Buat masa ini masih belum ada dana bagi rawatan kanser seperti yang dinyatakan.

3. Berhubung dengan *stand-alone* hospital kanser di Sungai Petani, Projek Pusat Kanser Wilayah Utara telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan 3* (RP3 RMK11) pada tahun 2018. Walau bagaimanapun, projek ini telah dibatalkan oleh UPE, JPM pada 26 Ogos 2021.

4. Dalam usaha untuk melatih lebih ramai pakar onkologi, Kementerian Kesihatan telah menawarkan dua (2) laluan program kepakaran iaitu Program **Sarjana Kepakaran Perubatan** dengan kerjasama Universiti Awam (UA) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), di mana pegawai yang layak akan diberi Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dan program kepakaran melalui ***Parallel Pathway***.

5. Kementerian Kesihatan bersama UA sentiasa bekerjasama untuk melatih lebih ramai pakar onkologi di mana setiap tahun sebanyak 13 slot bagi bidang onkologi disediakan oleh UA. Pada masa kini seramai 69 pegawai sedang mengikuti program kepakaran onkologi dengan pecahan seramai 49 orang pegawai perubatan sedang mengikuti program kepakaran **Sarjana Perubatan** Onkologi di UA dan seramai 20 orang pegawai mengikuti pengajian kepakaran onkologi secara alternatif di bawah program ***Parallel Pathway***.

6. Untuk makluman juga, penetapan slot adalah bergantung kepada UA untuk melaksanakan latihan kepakaran onkologi.

Sekian, terima kasih.